

# Dr Ling belum buat keputusan

SEPANG, Isnin - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang baru kembali ke tanah air malam ini selepas bercuti di luar negara, berkata beliau masih memerlukan beberapa hari lagi sebelum membuat keputusan muktamad mengenai peletakan jawatannya daripada Kabinet.

"Berikan saya beberapa hari lagi," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), dari Australia malam ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, bercuti selama dua minggu sejak 26 Mei lalu atas nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin dan anggota MCA serta rakan Kabinetnya.

Beliau mengejutkan mesyuarat Majlis Presiden MCA apabila memberitahu mereka mengenai keputusannya untuk meletakkan jawatan daripada

Kabinet, tetapi akan terus berkhidmat sebagai Presiden parti pada 22 Mei lalu.

Sejak itu, beliau menerima banyak rayuan daripada pemimpin serta anggota akar umbi parti itu.

Antara mereka mencadangkan supaya beliau mengambil masa untuk memikirkan semula keputusan yang diambil.

Dr Mahathir serta pemimpin Barisan Nasional turut meminta Dr Ling menimbang semula keputusannya.

Ketika ditanya mengenai keadaan beliau selepas bercuti, Dr Ling sambil tersenyum hanya menunjukkan ibu jarinya sebagai tanda baik.

Ratusan penyobong MCA bersama pemimpin mereka berkumpul di Balai Ketibaan KLIA sejak jam 8 malam, walaupun pesawat MAS dari Perth yang membawa Dr Ling hanya tiba di KLIA pada jam 10.10 malam ini.